

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2001/2002

September 2001

YSK 501 – TEORI KOMUNIKASI LANJUTAN

Masa : 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SATU** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **DUA** soalan.

Sumbangan markah bagi tiap-tiap soalan ialah 100 markah.

1. Dengan menyediakan contoh dari liputan media tempatan tentang isu yang berkaitan, bincangkan konsep-konsep “hegemoni”, “krisis hegemoni” dan “counter hegemony”.
2. Sejarah kajian kesan dan pengaruh media ke atas audiens menunjukkan bahawa soalan-soalan kesan dan pengaruh media berkait rapat dengan pembentukan suasana *moral panics*. Bincang kenyataan ini dengan meneliti perdebatan tentang pengaruh *Black Metal* di Malaysia dewasa ini.
3. Teknologi baru informasi dan komunikasi (ICT) dihasilkan untuk meringankan beban masyarakat. Dengan mengaitkan kompleks industri, tentera dan pemerintah, bincangkan dakwaan ini.
4. Media dalam satu masyarakat yang sedang membangun mempunyai peranan penting untuk membangun dan memajukan rakyat. Oleh yang demikian, media seharusnya bekerjasama dengan pemerintah. Nilaikan kenyataan ini dengan mengambil kira pandangan ahli-ahli *diffusionist* dan *dependendista*.
5. Kod dan makna tidak wujud dalam kekosongan, tetapi dibentukkan berdasarkan interaksi sosial harian dan hiraki yang wujud dalam masyarakat. Sediakan satu kritikan terhadap analisis teks (*textual analysis*) berdasarkan kenyataan ini.